

BAB KETIGA

BAB KETIGA

PENGENALAN *AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ'AH*

3.1 Pendahuluan

i

Ungkapan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* merupakan suatu istilah yang tidak asing lagi bagi umat Islam di negara kita Malaysia. Sementelahan pula setelah kerajaan memutuskan bahawa pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* merupakan satu-satunya pegangan rasmi bagi negara ini.¹

Justeru, dalam bab ini penulis akan menghuraikan tentang konsep *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Skop kajian tertumpu kepada definisi, sejarah, aliran-aliran yang wujud serta manhaj umum *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Pembentangan tentang tajuk ini dianggap penting sebagai suatu kayu ukur untuk menilai kesahihan pegangan Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor.

3.2 Definisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*

Adalah wajar untuk diteliti tentang definisi dan pengenalan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* sebelum meneruskan perbincangan yang lebih terperinci berkenaan perkara yang amat penting ini. Ia bertujuan untuk memudahkan

¹Majlis Fatwa Kebangsaan yang telah bersidang di Langkawi telah memutuskan bahawa *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* sahaja yang diterima pakai di negara kita Malaysia. Sila rujuk Johari b. Mat (Dr.)(1997), "Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah : Satu Pengenalan," *Jurnal Usuluddin*, Bil. 2, Julai 1997, h. 1.

pemahaman dan menguatkan penjelasan agar maksud sebenar *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dapat diketahui dengan lebih jelas dan tepat.

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah merupakan satu nama khas yang terbina daripada tiga perkataan yang menjadi suku kata utama, iaitu :

1. Ahli

Perkataan ahli secara umumnya mempunyai beberapa pengertian. Antaranya ialah :²

1. Anggota sesebuah pertubuhan, persatuan atau golongan. Antara ungkapan yang sering digunakan ialah ahli parti politik, ahli persatuan sejarah dan sebagainya yang membawa maksud anggota bagi organisasi tersebut.
2. Orang yang mahir atau mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang. Ia juga disebut sebagai pakar. Sekiranya dikatakan ahli falak, bererti seseorang itu memiliki kepakaran tentang cakerawala. Kalau disebut ahli falsafah bermaksud seseorang itu mempunyai kemampuan memikirkan hal-hal yang bijaksana.
3. Kaum, orang atau pengikut kepada sesuatu aliran dan fahaman (terutama jika ia merupakan gabungan rangkai kata Arab). Pengertian yang ketiga ini adalah sesuai dengan maksud perkara yang menjadi topik perbincangan. Justeru, *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, bermaksud kaum atau orang Islam yang menurut ajaran nabi Muhammad s.‘a.w.³

²Noresah Baharom (Ketua Ed.)(2000), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 14.

³*Ibid.*

2. Sunnah

Penulis telahpun membincangkan secara terperinci maksud sunnah dari sudut bahasa, istilah serta definisi yang tepat bagi perkataan sunnah yang menjadi fokus perbincangan kajian ilmiah ini dalam Bab Kedua.

Walaubagaimanapun, sebagai suatu penegasan, penulis menekankan bahawa maksud sunnah dalam perbincangan ini ialah sunnah yang menjadi pendirian para ulama hadith iaitu segala perkara yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. sama ada yang berupa perkataan, perbuatan, *taqrir* dan sebagainya;⁴ sebagaimana yang difahami dan dilaksanakan oleh para sahabat yang berpegang teguh dengan kitab Allah SWT dan sunnah RasulNya.

3. *Al-Jamā'ah*.

Perkataan *al-Jamā'ah* berasal daripada perkataan (جمع) yang bererti berkumpul atau bergabung antara satu sama lain.⁵ *Al-Jamā'ah* dari segi bahasa didefinisikan sebagai kumpulan.⁶

⁴Sila rujuk bab kedua kajian ilmiah ini untuk mengetahui huraian terperinci berkaitan definisi perkataan sunnah.

⁵Ahmad Ridā (1958), *Mu'jam Matn al-Lughah Mawsū'ah Lughawīyyah Hadīthah*, j. 2. Bayrūt: Dār Maktabah al-Hayāh, h. 569.

⁶Sa'īd al-Khūrī al-Syartūnī (1992), *Aqrab al-Mawārid fī Fushḥ al-'Arabiyyah wa al-Syawārid*, c. 2, Bayrūt: Maktabah Lubnān, h. 138.

Para ulama berbeza pendapat dalam menentukan definisi yang tepat tentang perkataan *al-Jamā'ah*. Antaranya : ⁷

1. Golongan *al-sawād al-a'zam*, iaitu majoriti manusia yang mentaati pemimpin dan menuruti jalan yang lurus.
2. Ahli ilmu, ahli fiqh, ahli hadith dan kalangan imam *mujtahidīn*, kerana Allah SWT menjadikan mereka sebagai rujukan umat manusia dalam hal agama.
3. Para sahabat Nabi s. 'a.w. Ini adalah kerana Nabi s. 'a.w pernah berwasiat menjelang kewafatan baginda agar kita mengikuti sunnah baginda dan sunnah *Khulafā' al-Rāsyidīn*.
4. Kumpulan orang-orang yang pakar dalam Islam apabila mereka bermuafakat tentang sesuatu perkara.
5. *Jamā'ah* umat Islam apabila mereka bersepakat mengikuti seseorang pemerintah.

Kesimpulannya, kesemua pendapat berkenaan maksud *al-Jamā'ah* merujuk kepada *al-ijtima'*, iaitu berada di bawah pimpinan yang mengikut al-Quran dan sunnah Rasulullah s. 'a.w. Ini jelas menunjukkan bahawa sesuatu persepakatan yang bukan diasaskan atas dasar sunnah adalah terkeluar daripada pengertian *al-Jamā'ah*. ⁸

⁷Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā b. Muḥammad al-Syatībī (1996), *Kitāb al-I'tisām*, ditahqiq oleh Khālid 'Abd al-Fattāh, j.2. Bayrūt : Dār al-Fikr, h. 169-171., Muḥammad 'Abd al-Hādī al-Miṣrī (1992), *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah : Ma'ālīm al-Inṭilāqah al-Kubrā*, c.4. Kaherah : Dār al-'Ilām al-Duwalī, h. 45-48., 'Abd Allāh al-Harāri (1997), *Izhār 'Aqīdah al-Sunniyyah bi Syarḥ al-'Aqīdah al-Taḥāwīyyah*. Bayrūt: Dār al-Masyārī, h.22., Abū Ja'far al-Taḥāwī al-Ḥanafī (1995), *Syarḥ al-'Aqīdah al-Taḥāwīyyah*, c. 3. Bayrūt: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, h. 44., Abdullah Yasin (Dr.)(2001), *Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, j. 1. Kuala Lumpur : al-Furqan Enterprise, h. 91-92.

⁸Al-Syatībī, *Ibid.*, h. 171.

Setelah diketahui definisi perkataan ahli, sunnah dan *al-jamā'ah* dari sudut bahasa dan istilah, perbincangan dipanjangkan lagi dengan meneliti definisi yang diberikan oleh para ulama tentang *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*.

•

Ibn Ḥazm (456 H) umpamanya, menyatakan bahawa *ahl al-sunnah* merupakan *ahl al-ḥaq* di mana kalangan yang selain dari mereka disebut sebagai *ahl al-bid'ah*. Mereka adalah para sahabat (r.a.) dan semua orang yang mengikut manhaj mereka yang terdiri daripada para tabi'in (r.a.), *aṣḥāb al-ḥadīth* dan pengikut mereka dari kalangan ulama *al-fiqh*, dari generasi ke generasi sehinggalah sampai kepada hari ini dan juga pengikut mereka yang terdiri daripada orang-orang awam yang berada di Timur ataupun di Barat.⁹

Kesimpulannya, definisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* ialah orang-orang atau generasi yang berpegang teguh dengan kitab Allah SWT, sunnah Rasulullah s.a.w. dan perkara yang telah disepakati oleh para sahabat dan tabi'in serta pengikut mereka sehingga ke hari ini. Mereka beriltizam dengan sumber-sumber tersebut dalam segenap segi sama ada perkataan, perbuatan dan iktikad sebagaimana yang difahami dan diamalkan oleh para *salaf al-sāliḥ*.¹⁰

Justeru, *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* terdiri daripada :¹¹

1. Para sahabat Nabi. Mereka merupakan generasi pertama yang menerima ajaran Rasulullah s.a.w. secara langsung. Ajaran tersebut merangkumi

⁹Ibn Ḥazm al-Zāhiri (t.t.), *al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*, j. 1. : Maktabah al-Salam al-Ālamiyyah, h.90.

¹⁰Johari b. Mat, *op. cit.*, h. 7.

¹¹*Ibid.*

segala aspek kehidupan sama ada akidah, ibadah, syariah dan akhlak. Mereka adalah generasi yang paling arif tentang sunnah Rasulullah s.‘a.w. berbanding orang lain di samping beramal dan berpegang teguh dengannya.

2. Para tabi‘in dan *tābi’ al-tābi‘īn* yang mengikut jejak langkah para sahabat pada setiap masa dan tempat, terutama sekali *ahl al-Ḥadīth* dan *al-Athār* yang telah menyampaikan sunnah Rasulullah s.‘a.w. kepada kita. Mereka bekerja keras dalam usaha mengumpul dan mengklasifikasikan hadith-hadith sahih serta mengasingkannya dari hadith-hadith yang daif. Seterusnya, mengamalkan hadith-hadith sahih ini yang datang daripada Rasulullah s.‘a.w.
3. Orang-orang awam di seluruh pelosok dunia yang mengikut al-Quran dan sunnah dengan memahaminya sebagaimana yang difahami oleh para *salaf al-ṣāliḥ* pada setiap masa dan tempat. Mereka juga tidak melakukan perkara-perkara bid‘ah dalam agama.

3.3 Nama-nama lain *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*

Selain daripada istilah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*, terdapat juga beberapa istilah lain yang sering digunakan untuk menggambarkan bahawa nama tersebut juga adalah dikhususkan kepada pengikut-pengikut *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Di antara nama-nama tersebut ialah :

3.3.1 *Aṣḥāb / Ahl al-Ḥadīth*

Istilah ini secara khususnya merujuk kepada para periwayat hadith atau mereka yang terlibat secara langsung dengan hadith, menyebarkannya dan membina segala hukum berdasarkan nas-nas syara'.¹²

Sememangnya sunnah Rasulullah s. 'a.w. dapat diketahui melalui hadith-hadith yang diriwayatkan dengan sanad-sanad yang sahih yang tentunya hanya mampu dilakukan oleh para ulama hadith kerana mereka memiliki kepakaran khusus dalam bidang hadith.¹³

Walaupun bagaimanapun, istilah ini juga diguna pakai untuk kumpulan orang-orang Islam yang menumpukan perhatian kepada nas-nas al-Quran dan sunnah dalam mengistinbāḥkan sebarang hukum-hakam. Sekiranya timbul sesuatu isu, mereka akan merujuk kepada al-Quran dan sunnah. Sekiranya jawapan bagi permasalahan tersebut tidak ditemui, mereka tidak akan mengemukakan sebarang jawapan.¹⁴ Walaupun kedapatan mereka mengemukakan jawapan berdasarkan pendapat mereka sendiri, ia hanyalah dalam jumlah yang sangat kecil.¹⁵

¹²Muhammad Abd al-Karīm b. Abū Bakr Ahmad al-Syahrastānī (1968), *al-Milal wa al-Niḥal*, ditahqiq oleh 'Abd al-'Azīz Muhammad al-Wakīl, j. 1. Kaherah : Muassasah al-Ḥalabī wa Syurakāh li al-Nasyr wa al-Tawzī', h. 11.

¹³Abū Qāsim Ismā'īl b. Muḥammad al-Faḍl al-Taymī al-Aṣḥabī (1990), *al-Ḥujjah fī Bayān al-Maḥajjah wa Syarḥ 'Aqīdah Ahl al-Sunnah*, ditahqiq oleh Muḥammad b. Maḥmūd Abū Raḥīm, j.2. Riyāḍ : Dār al-Rāyah, h. 385.

¹⁴Muṣṭafā al-Syak'ah (Dr.) (1994), *Islām Bi Lā Madhāhib*, c. 10, Kaherah : al-Dār al-Miṣriyyah al-Lubnāniyah, h. 405.

¹⁵Muḥammad Syafīq Ghirbāl (1965), *Mawsū'ah al-'Arabiyyah al-Muyassarah*, j. 1. Bayrūt: Dār al-Turāth al-'Arabī, h. 252.

3.3.2 *Al-Salaf al-Ṣāliḥ*

Perkataan *salaf* dari sudut bahasa membawa pengertian sebagai orang yang awal-awal,¹⁶ mula-mula atau yang terdahulu atau pendahulu bagi suatu generasi tertentu. Kamus *Lisān al-‘Arab* menyebut :¹⁶

1. *Salaf* ialah sesiapa yang mendahului engkau seperti ibu bapa atau kaum kerabat yang lebih tua dari segi umur dan kelebihan.
2. Setiap amalan kebaikan dan generasi yang mendahului seseorang individu.
3. Generasi yang terlebih dahulu menemui kematian yang terdiri daripada ibubapa atau kaum kerabat. Lantaran itulah, generasi terawal yang terdiri daripada sahabat dan tabi‘in dinamakan sebagai *salaf al-ṣāliḥ*.

Perkataan *salaf* disebut pada beberapa tempat dalam al-Quran, dengan pengertian yang tersendiri. Antaranya, Allah SWT telah berfirman, sebagaimana berikut :

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَاتَّبَعُهَا فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ.

Maksudnya:

“Padahal Allah SWT telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu dia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.”

Surah al-Baqarah(2): 275

¹⁶Jamāl al-Dīn Muḥammad b. Makrām b. Manẓūr (1990), *Lisān al-‘Arab*, j. 9. Bayrūt : Dār al-Fikr, h. 158.

Maksud perkataan *salaf* dalam ayat di atas ialah sesuatu yang telah dimakan atau diambil pada masa lalu, iaitu sebelum pengharaman.¹⁷

Contoh kedua dapat diteliti daripada firman Allah SWT :

وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ آبَاؤُكُمْ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَمَقْتًا وَسَاءَ سَبِيلًا.

Maksudnya :

"Dan janganlah kamu berkahwin (dengan perempuan-perempuan) yang telah diperisterikan oleh bapa kamu, kecuali apa yang telah berlaku pada masa lalu. Sesungguhnya (perbuatan) itu adalah suatu perkara yang keji, dan dibenci (oleh Allah), serta menjadi seburuk-buruk jalan (yang dilalui dalam perkahwinan)."

Surah al-Nisā'(4):22

Perkataan *salaf* dalam ayat di atas juga didatangkan dengan pengertian tindakan yang telah dilakukan pada masa lampau, iaitu mengahwini perempuan yang telah dikahwini oleh bapa (ibu tiri) sebelum pengharaman.¹⁸

Perkataan *salaf* juga turut diabadikan dalam Surah al-Mā'idah : 95, al-Anfāl : 38, Yūnus : 30, al-Hāqqah : 24 dan al-Zukhruf : 56. Perkataan *salaf* dalam ayat-ayat ini juga membawa pengertian yang sama dengan kedua-dua ayat contoh yang telah diberikan.

¹⁷Muhammad b. Jarir al-Ṭabarī (1968), *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āy al-Qur'ān*, j.3, c.3. Kaherah : Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, h. 104., Abu 'Abd al-Rahmān Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (1983), *al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr al-Ma'thūr*, j.2 . Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 105.

¹⁸Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī (t.t.), *Tafsīr al-Marāghī*, j.2. Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 222-223.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah *salaf* menurut al-Quran memberi satu maksud iaitu yang telah lalu, terdahulu atau yang lampau.¹⁹

Perkataan *salaf* jika ditinjau dari sudut istilah, sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Maghrawī dalam kitab *al-Mufasssirūn bayn al-Ta'wīl wa al-Ithbāt fī Āyāt al-Ṣifāt*, terdapat beberapa pandangan ulama yang agak berbeza dalam menentukan definisi *salaf* menurut istilah. Antaranya ialah :²⁰

1. Generasi terawal yang pakar dalam ilmu. Mereka merupakan golongan yang mengikut petunjuk nabi Muhammad s.a.w., menjaga sunnah baginda; terpilih oleh Allah SWT untuk bersahabat dengan RasulNya demi menegakkan agamaNya. Mereka direstui oleh para imam umat. Mereka berjihad pada jalan Allah SWT serta mengorbankan jiwa mereka dalam menempa redha Allah SWT.
2. Golongan para sahabat yang menjadi ikutan dari sudut tutur kata, tingkah laku serta ijtihad mereka.
3. Khusus kepada para sahabat dan tidak termasuk selain daripada mereka.
4. Golongan para sahabat dan tabi'in.
5. Pembatasan waktu tertentu tidak mencukupi untuk menentukan pengertian *salaf*. Tetapi apa yang penting ialah pendapat golongan terdahulu itu hendaklah menepati roh ajaran al-Quran dan sunnah. Sesiapa sahaja yang mempunyai pendapat yang menyalahi ajaran kitab dan sunnah, maka

¹⁹Zaimah Yahaya (1988), "Ayat-ayat al-Quran Berhubung dengan Sifat-sifat Allah SWT: Satu Kajian Terhadap Pandangan Salaf dan Khalaf" (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), h. 13.

²⁰Muhammad b. 'Abd al-Rahmān al-Maghrawī (2000), *al-Mufasssirūn bayn al-Ta'wīl wa al-Ithbāt fī Āyāt al-Ṣifāt*, j. 1. Bayrūt: Muassasah al-Risālah, h. 11-14.

mereka bukanlah golongan *salaf*, walaupun mereka hidup di zaman para sahabat, *tabi'in*, dan *tābi' al-tābi'in*.

6. Mazhab *salaf* ialah jalan yang dilalui oleh para sahabat yang mulia dan golongan yang mengikut mereka dengan kebaikan hingga ke hari qiamat, seterusnya *tābi' al-tābi'in* dan *a'immah al-dīn* yang dikenali sebagai pemimpin dan mempunyai kedudukan yang penting dalam agama. Seterusnya ialah golongan ulama muktabar yang menyampaikan riwayat daripada golongan *salaf* kepada orang ramai, seperti imam Mālikī, Ḥanbalī, Ḥanafī, Syāfi'ī, Sufyān al-Thawrī, al-Layth Ibn Sa'd, Ibn al-Mubārak, al-Nakhā'ī, al-Bukhārī, Muslim, *Ashāb al-Sunan* yang tidak dilontarkan tuduhan sebagai pelaku bid'ah atau dikaitkan dengan gelaran yang tidak dapat diterima seperti Khawārij, Rāfiḍah, Murji'ah, Jabariyah, Jahmiyah dan Mu'tazilah.

7. Umat yang berada dalam tiga kurun pertama Islam.²¹

Kesimpulan daripada kepelbagaian pendapat ulama dalam menentukan definisi *salaf* dari sudut istilah menunjukkan bahawa perkataan *al-salaf* merujuk kepada dua penggunaan. Pertama, merujuk kepada sejarah dan keduanya merujuk kepada manhaj.

Penggunaan yang merujuk kepada sejarah biasanya dirujuk kepada tiga generasi yang hidup pada kurun pertama hijrah. Mereka terdiri dari kalangan para sahabat, *tabi'in* dan *tābi' al-tābi'in*, sebagaimana yang disebut dalam hadith Rasulullah s.a.w. yang berbunyi :

²¹ Al-Ḥararī, *op. cit.*, h. 23.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ يَجِيءُ مِنْ
بَعْدِهِمْ قَوْمٌ تَسْبِقُ شَهَادَتُهُمْ أَيْمَانُهُمْ وَأَيْمَانُهُمْ شَهَادَتُهُمْ.²²

Maksudnya :

"Daripada 'Abd Allāh r.a. menyatakan bahawa nabi Muhammad s. 'a.w. telah bersabda : "Sebaik-baik manusia ialah (yang hidup) di kurunku (di zaman Nabi s. 'a.w. dan sahabat baginda), kemudian mereka yang datang sesudahnya (zaman tabi'in) kemudian di zaman mereka yang datang sesudah mereka itu (zaman tābi' al-tābi'in) Kemudian datang sesudah itu beberapa kaum yang kesaksian mereka mendahului sumpah mereka dan sumpah mereka mendahului kesaksian mereka."

Penggunaan yang merujuk kepada manhaj pula ialah merujuk kepada jalan atau cara yang diikuti oleh para sahabat dan orang-orang yang mengikut jalan mereka. Golongan ini berpegang dengan kitab Allah SWT dan sunnah Rasulullah s. 'a.w. dengan meletakkan kedua-dua sumber tersebut di tempat yang tertinggi. Mereka juga mendahulukannya dari sumber-sumber yang lain dan beramal sebagaimana yang difahami oleh para sahabat dan *salaf al-ṣāliḥ*.

Penggunaan perkataan *al-salaf* menurut pengertian yang pertama adalah berdasarkan suatu period masa tertentu. Ia telah berakhir setelah kesemua generasi tersebut meninggal dunia. Sementara penggunaan kedua pula yang berdasarkan kepada manhaj memberi maksud bahawa golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* adalah masih ada dan akan terus kekal sampai bila-bila. Sesiapa sahaja dapat menisbahkan dirinya kepada *salaf al-ṣāliḥ* asalkan sahaja dia mengikut manhaj *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dalam aspek ilmu, iman dan amal.²³

²²Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Ismā'il b. Ibrāhīm al-Bukhārī (1998), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Riqāq, no. hadith 6425, j.4, Maṣūrah : Maktabah al-Imān, h. 180.

²³Johari b. Mat, *op. cit.*, h. 13.

3.3.3 *Al-Ṭāʾifah al-Manṣūrah*

Nama ini diambil berdasarkan hadith Rasulullah s.‘a.w., iaitu:

عَنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَزَالُ
طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي ظَاهِرِينَ حَتَّى يَأْتِيَهُمْ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ ظَاهِرُونَ .²⁴

Maksudnya:

“Dari al-Mughīrah bin Syu‘bah daripada Rasulullah s.‘a.w. bersabda : “Sentiasa ada dari kalangan umatku golongan yang mempertahankan kebenaran sehingga datang hari kiamat dan mereka sentiasa dalam keadaan mempertahankannya.”

Ibn Hajar al-‘Asqalānī (773-852H) menyebut bahawa maksud *al-Ṭāʾifah al-Manṣūrah* ini turut mendapat perhatian para ulama. Antara mereka ada yang menyatakan bahawa golongan tersebut ialah ahli hadith dan ada juga yang menyatakan bahawa mereka ialah ahli ilmu.²⁵

3.3.4 *Al-Firqah al-Nājiyah*

Kumpulan ini diiktiraf sebagai golongan yang berjaya daripada kejahatan dan kebinaasaan di dunia dan di akhirat disebabkan sikap mereka yang beristiqamah dalam mempertahankan kebenaran di samping berpegang teguh dengan ajaran Rasulullah s.‘a.w. dan para sahabat.²⁶

²⁴Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ismā‘īl b. Ibrāhīm al-Bukhārī (1998), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-l’ṭisām bi al-Kitāb wa al-Sunnah, no. hadith 7311, j.4, Manṣūrah : Maktabah al-Imān, h. 398.

²⁵Aḥmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalānī (2000), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ditahqiq oleh Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī, j.13, c.3.Riyāḍ : Dār al-Salām, h. 359.

²⁶Abd al-‘Aziz Muḥammad al-Salmān (1982), *al-Kawāsyif al-Jaliyyah ‘an Ma‘ānī al-Wāsiṭiyyah*, c.11. al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah : Idārah al-Tab‘ wa al-Turjumah, h. 51.

Mereka merupakan orang-orang yang mempunyai ikatan yang kukuh dengan agama Allah SWT, yakin dan beramal dengan segala apa yang terkandung di dalam al-Quran dan diberikan penjelasannya oleh sunnah.²⁷ Pendirian mereka adalah selari dengan jumhur sahabat dan tabi'in, walaupun dalam usaha mereka menjadikan nas sebagai suatu sumber hukum dan menghuraikan perkara yang merupakan kesamaran dalam mentafsirkan nas, wujud juga perselisihan pendapat di antara mereka dengan para sahabat dan tabi'in tersebut.²⁸

3.3.5 *Ahl al-Jamā'ah*

Golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* ini disebut sebagai *Ahl al-Jamā'ah* kerana maksud *al-Jamā'ah* ialah bersatu-padu, lawan kepada berpecah-belah.²⁹

Nama *al-Jamā'ah* ini diambil dari hadith Rasulullah s.a.w. yang menjelaskan tentang sifat-sifat dan ciri-ciri golongan yang berjaya, melalui sabda baginda :

عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
اِفْتَرَقَتِ الْيَهُودُ عَلَى إِحْدَى وَسَبْعِينَ فِرْقَةً فَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ
وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ وَافْتَرَقَتِ النَّصَارَى عَلَى ثَلَاثِينَ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً
فَإِحْدَى وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ وَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ

²⁷Al-Aṣḥbānī, *op. cit.*, h. 383.

²⁸Aḥmad Syāh Walī Allāh b. 'Abd al-Raḥīm al-Diḥlawī (1995), *Hujjah Allāh al-Bālighah*, j. 1. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 316.

²⁹Aḥmad b. Taymiyyah (1997), *Majmū'ah al-Fatāwā*, dita'liq oleh 'Āmir al-Jazzār dan Anwār al-Bāz, j. 3. Maṣūrah : Dār al-Wafā' li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī', h. 104.

بِيَدِهِ لَتَفْتَرِقَنَّ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً وَاحِدَةً فِي الْجَنَّةِ وَثَنَانٍ
وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ هُمْ قَالَ الْجَمَاعَةُ.³⁰

Maksudnya:

"Daripada 'Auf b. Malik, katanya : "Rasulullah s. 'a.w. bersabda : "Yahudi berpuak-puak menjadi 71 puak, satu puak masuk syurga dan 70 puak masuk neraka dan Nasrani berpuak-puak menjadi 72 puak, 71 puak masuk neraka dan satu puak masuk syurga, demi diri Muhammad di tanganNya, akan berpuak-puak (pula) umatku menjadi 73 puak, satu puak masuk syurga dan 72 puak masuk neraka." Baginda s. 'a.w. ditanya : "Wahai Rasulullah ! Siapakah mereka itu ?." Baginda s. 'a.w. menjawab : "al-Jamā'ah."

Imām Muḥammad bin al-Ḥusīn al-Ajurrī (m. 360 H) dalam menghuraikan bab tentang suruhan Rasulullah s. 'a.w. kepada umat baginda supaya beriltizam dengan *al-jamā'ah* menyatakan bahawa tanda orang yang dikehendaki oleh Allah SWT mempunyai kebaikan ialah mereka yang menempuh jalan ini, iaitu : kitab Allah SWT, sunnah Rasulullah s. 'a.w., sunnah para sahabat, serta orang-orang yang mengikuti mereka dengan cara yang baik (para tabi'in), serta para *a'imma*h orang-orang Islam yang terdiri daripada kalangan ulama tidak kira di mana sahaja mereka berada; seperti al-Awza'i, Sufyān al-Thawrī, Mālik bin Anas, al-Syāfi'i, Aḥmad bin Ḥanbal, al-Qāsim bin Salam dan sesiapa sahaja yang mengikuti cara mereka. Golongan ini juga merupakan golongan yang menjauhi mana-mana mazhab yang tidak sependapat dengan mazhab golongan para ulama tersebut.³¹

³⁰Hadith ini diriwayatkan oleh Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Yazīd al-Qazwīnī (Ibn Majah) dalam kitab beliau Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Fitan, Bāb Iftirāq al-Umam, sebagaimana yang dinyatakan oleh Abū al-'Ulā Muḥammad 'Abd al-Raḥmān bin 'Abd al-Raḥīm al-Mubārakfūrī (t.l.), *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Syarḥ Jāmi' al-Tirmidhī*, Kitāb al-Fitan, Bāb Iftirāq al-Umam, no. hadith 3992, j.4, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 352.

³¹Abū Bakr Muḥammad bin al-Husayn al-Ajurrī (1983), *al-Syarī'ah*, ditahqiq oleh Muḥammad Ḥamīd al-Faqqī. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 14.

3.4 Kumpulan-kumpulan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*

Imām ‘Abd al-Qāhir al-Baghdādī (m. 429 H) telah membahagikan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* kepada lapan kumpulan. Mereka ialah :³²

Kumpulan Pertama : Merupakan orang yang memiliki ilmu yang mendalam berkaitan tauhid dan kenabian, hukum-hukum *wa'd* (janji memberi balasan baik kepada mereka yang melakukan kebaikan) dan *wa'id* (janji memberi balasan jahat kepada mereka yang melakukan kejahatan, jika tidak diampunkan), balasan pahala dan azab, syarat-syarat ijtihad dan *imānah*. Mereka termasuk dalam golongan *mutakallimīn* yang bebas daripada *tasybīh* dan *ta'tīl* daripada perkara-perjara bid'ah rekaan golongan Rawafid, Khawarij, Jahmiyah, Najjariyah dan lain-lain golongan sesat yang mengikut hawa nafsu.

Kumpulan Kedua : Mereka yang terdiri daripada imam-imam dalam ilmu fiqh yang terdiri daripada dua aliran, iaitu mereka yang berpegang kepada hadith (dan tidak begitu berpegang kepada fikiran (*ra'y*) dan yang berpegang kepada *ra'y* (selepas daripada berpegang kepada al-Quran dan hadith). Kumpulan ini terdiri daripada golongan yang beriktikad tentang dasar-dasar agama (*uṣūl al-dīn*) mazhab yang percaya kepada sifat-sifat Allah SWT, zatNya yang azali dan mereka yang bersih daripada pegangan Qadāriyah dan Mu'tazilah. Mereka percaya kepada harusnya memandang wajah Allah SWT di akhirat dengan pandangan mata; tanpa *tasybīh* dan *ta'tīl*, yakin dengan persoalan adanya kebangkitan dari kubur serta soalan Munkar dan Nakir di dalamnya, juga percaya

³² ‘Abd al-Qāhir b. Tāhir b. Muḥammad al-Baghdādī (t.t.), *al-Farq Bayn al-Firq*. Kaherah : Maṭba'ah al-Madani, h. 313-318.

kepada kewujudan *al-Ṣirāṭ, al-Syafā'ī*, pengampunan dosa dan mereka tidak mensyirikkan Allah SWT. Golongan ini benar-benar yakin tentang pengekaln nikmat syurga dan azab neraka kepada para penghuni kedua-duanya. Mereka percaya kepada kepimpinan Abū Bakar, 'Umar, 'Uthman dan 'Ali serta mereka memuji golongan *salaf al-ṣāliḥ*, dalam masa yang sama memiliki kepercayaan yang total bahawa adalah menjadi suatu kewajipan untuk bersembahyang Jumaat di belakang para imam yang tidak berada di bawah telunjuk golongan yang mengikut hawa nafsu dan keinginan yang sesat. Mereka juga mengimani kewajipan mengistinbat hukum-hukum syari'at daripada al-Quran, sunnah dan ijma' para sahabat. Mereka berpegang kepada ajaran harus menyapu *khuf* ketika berwuduk dan adanya hukum tiga talak, mengharamkan *mut'ah* serta berpegang kepada wajibnya taat kepada pemerintah dalam perkara yang bukan maksiat kepada Allah SWT.

Golongan ini termasuklah para pengikut imam-imam Mālik, al-Syāfi'ī, al-Awzā'ī, al-Thawrī, Abū Ḥanīfah, Ibn Abū Laylā juga para pengikut Abū Thawr, Aḥmad b. Ḥanbal, ahli zahir dan lain-lain ulama fiqh yang berpegang kepada perkara-perkara yang boleh dicapai dengan akal dan berpegang kepada asal-usul sifat Allah SWT serta tidak mencampurkan fiqh mereka dengan suatu daripada bid'ah-bid'ah sesat, hasil acuan mereka yang mengikut hawa nafsu yang sesat.

Kumpulan Ketiga : Mereka yang mempunyai ilmu yang cukup tēntang jalan-jalan riwayat hadith-hadith Nabi s.a.w. serta sunnah-sunnah yang datang daripada baginda. Mereka boleh membezakan antara riwayat-riwayat yang sahih dan yang sebaliknya. Mereka cukup arif tentang sebab-sebab kekurangan dan

keadilan para periwayat. Mereka tidak mencampur-adukkan ilmu mereka dengan sesuatu rekaan ahli hawa nafsu yang sesat.

Kumpulan Keempat : Golongan yang mempunyai ilmu yang mencukupi tentang Sastera, *Nahu* dan *Saraf*, di samping mengikut jejak langkah para imam yang pakar dalam ilmu bahasa seperti al-Khalīl, Abū ‘Amr bin al-‘Alā’, Sibawayh, al-Farrā’, al-Akhfasy, al-Aṣmā’ī, al-Māzinī dan Abū ‘Ubayd, serta imam-imam lain dalam *Nahu* yang terdiri daripada golongan orang-orang Kufah dan Basrah yang tidak mencampur-adukkan ilmu mereka dengan bid‘ah-bid‘ah sesat daripada kaum-kaum sesat, seperti kaum Qadariyah, Rāfiḍah atau Khawārij.

Kumpulan Kelima : Golongan yang mempunyai ilmu yang mencukupi berkenaan dengan bentuk-bentuk bacaan al-Quran (Ilmu *Qirā’āt*), pentafsiran ayat-ayat al-Quran dan takwil-takwilnya yang sesuai dengan mazhab *Ahl Sunnah wa al-Jamā’ah*, dan bukannya takwil-takwil para ahli aliran-aliran yang sesat.

Kumpulan Keenam : Golongan ahli-ahli zuhud dan sufi (*al-zuhhād al-ṣūfiyah*) yang mempunyai pandangan yang tajam, mengawal diri daripada apa yang tidak sepatutnya, menguji diri dan mendapat pengalaman dalam bidang kerohanian di samping mengambil iktibar sebaik-baiknya. Mereka redha dengan apa yang ditakdirkan Allah SWT. Mereka rasa memadai dengan rezeki yang sedikit (yang dikurniakan Allah SWT kepada mereka) dan mereka ini cukup maklum bahawasanya segala kebaikan dan kejahatan yang dilakukan oleh pendengaran, pemandangan dan hati, pastinya akan dipersoalkan. Mereka menghisab diri mereka di atas segala amalan yang dilakukan walaupun sebesar

zarah, mereka membuat persiapan yang secukupnya untuk menghadapi hari Akhirat. Mereka menghuraikan ilmu mereka dengan menggunakan jalan ibarat dan isyarat berlandaskan aliran ahli-ahli ilmu hadith, bukan mengikut mereka yang mengeluarkan kata-kata kosong. Kriteria mereka yang istimewa juga ialah melakukan segala amalan yang baik dan meninggalkan setiap perkara yang buruk bukan disebabkan perasaan malu atau riak kepada sesiapa. Agama golongan sufi ini adalah agama tauhid yang menolak *tasybīh*. Mazhab mereka pula ialah menyerah diri, bertawakkal serta mematuhi segala perintah Allah SWT. Mereka turut memadai dengan apa yang direzekikan tanpa menentang apa yang ditentukan olehNya. Mereka adalah sebagaimana yang digambarkan dalam al-Quran :

ذَٰلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ.

Maksudnya:

"Itulah pemberian daripada Allah SWT yang dikurniakan kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah SWT mempunyai pemberian yang amat besar."

Surah al-Hadid (57) : 21

Kumpulan Ketujuh : Golongan yang setia menjaga kubu-kubu para penduduk beragama Islam (di sempadan negara Islam) dalam menghadapi orang-orang kafir, berjuang melawan seteru orang-orang Islam, menjaga kawasan mereka, memberi perlindungan kepada para wanita Muslimin dan rumahtangga mereka serta menzahirkan pada kubu-kubu mereka itu mazhab *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah*. Merekalah golongan yang dimaksudkan oleh Allah SWT dalam firmanNya :

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ.

Maksudnya:

"Dan mereka yang berjihad untuk (mencari keredhaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami."

Surah al-'Ankabūt (29):69

Kumpulan Kelapan : Kumpulan ini terdiri daripada negeri-negeri yang mendukung mazhab *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah*, bukannya mendukung tempat-tempat yang merupakan syiar-syiar bagi golongan-golongan yang sesat dan mengikut hawa nafsu. Mereka merupakan golongan orang ramai di mana sahaja yang beriktikad tentang benarnya ulama *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah* yang berpegang kepada bab-bab keadilan Tuhan dan tauhidNya, janji baik, janji buruk dan mereka merujuk kepada ulama *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah* dalam ajaran-ajaran agama dengan mengikuti para ulama dalam perkara-perkara *furu'* berkenaan dengan halal dan haram. Mereka tidak beriktikad ataupun daripada perkara yang ada dalam pegangan golongan mereka yang sesat.

3.5 *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dari Perspektif Sejarah

Perbincangan berkaitan sejarah kemunculan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* akan menemukan kita kepada beberapa perbezaan pandangan ulama dan para pengkaji sejarah Islam tentang tarikh sebenar permulaan kemunculannya.

Ada yang berpendapat bahawa *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* muncul pada kurun ketujuh hijrah, ada juga yang berpendapat ia muncul pada pertengahan

kurun ketiga hijrah, yang dibawa oleh Abū Ḥasan al-Asy'arī.³³ Ada juga yang berpendapat ia muncul semasa zaman pemerintahan khalifah al-Manṣūr dan al-Rasyīd di zaman pemerintahan Abbasiyah. Walaubagaimanapun, huraian dan fakta yang telah dikemukakan penulis berkenaan definisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* membuktikan bahawa golongan terpilih ini sebenarnya telah wujud sejak zaman Rasulullah s.'a.w. dan para sahabat lagi, bersesuaian dengan saranan Rasulullah s.'a.w. dan gesaan baginda agar para sahabat berpegang teguh dengan sunnah baginda.³⁴

Justeru, tarikh sebenar kemunculan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* hakikatnya tidak perlu dipersoalkan, tidak sebagaimana kita mempersoalkan kemunculan golongan-golongan lain seperti Khawārij, Syi'ah, Mu'tazilah dan sebagainya. Sekiranya kita mengimbuai sejarah juga, akan terserlah kepada kita bahawa nama *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* telahpun terdapat di dalam kitab-kitab tafsir, nas-nas hadith dan lembaran sejarah umat Islam.³⁵

³³ Al-Syak'ah, *op. cit.*, h. 489. Nama penuh Imām al-Asy'arī ialah 'Alī b. Ismā'il b. Abī Basyar Ishāq b. Sālim Ismā'il b. 'Abd Allāh b. Mūsā b. Bilāl b. Abū Bardah b. Abū Mūsā al-Asy'arī. Abū Mūsā 'Abd Allāh bin Qays al-Asy'arī (Abū Mūsā al-Asy'arī) merupakan salah seorang sahabat Rasulullah s.'a.w. yang terlibat dalam *Majlis Tahkim* antara Saydina 'Alī k.w.h. dan Mu'āwiyah r.a. Ulama berselisih pendapat di dalam menentukan tarikh sebenar kelahiran dan kematian beliau. Namun, kebanyakan mereka menetapkan bahawa beliau lahir pada tahun 270 H dan meninggal pada tahun 324 H. Beliau pada awalnya mempelajari ilmu kalam daripada Abū 'Alī Muḥammad bin 'Abd al-Wahhāb al-Jubā'ī, seorang tokoh Mu'tazilah yang merupakan bapa tiri beliau. Namun, beliau akhirnya meninggalkan fahaman tersebut; bermazhab al-Syāfi'i dan banyak menghasilkan karya-karya ulung seperti *Maqālāt al-Islāmiyyin wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, *al-Idārah 'an Uṣūl al-Diyāmah*, *al-Rad 'alā al-Jahmiyyah wa al-Mu'tazilah* dan lain-lain yang dikatakan mencapai 55 buah. Rujuk Muḥammad b. Muḥammad al-Husaynī al-Zābidī (t.t.), *Ittiḥāf al-Sādah al-Muttaqīn bi Syarḥ Asrār Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, j.2. Bayrūt : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 3-4., Abū al-'Abbās Syams al-Dīn Aḥmad b. Muḥammad b. Abū Bakr b. Khallikan (1970), *Wafayāt al-A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zamān*, ditahqiq oleh Ihsān 'Abbās (Dr.), j.3. Bayrūt: Dār al-Thaqāfah, h. 284-286. Ibn Kathīr (1997), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, ditahqiq oleh Aḥmad 'Abd al-Wahhāb Fātib, j. 11, c. 4. Kaherah : Dār al-Hadīth, h. 198.

³⁴ 'Amir 'Alī, *Rūḥ al-Islāmī*, dikutip oleh Nāṣir 'Abd Allāh b. 'Alī al-Qaffārī (Dr.) (1413H), *Mas'alah al-Taqrīb bayn Ahl al-Sunnah wa al-Syī'ah*, j.1, c.2. Riyāḍ : Dār Ṭayyibah li al-Nasyr wa al-Tawzī', h. 45.

³⁵ Al-Qaffārī, *op. cit.*, h. 40.

Ibn Kathīr (m. 774 H) contohnya, dalam mentafsirkan ayat 106 surah Āli-
‘Imrān telah membawakan suatu riwayat daripada Ibn Abbās yang menyatakan
bahawa golongan yang dimaksudkan sebagai ‘golongan yang putih wajahnya di
hari Kiamat’ kelak ialah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah*.³⁶

Pentafsiran Ibn Kathir tersebut membuktikan bahawa istilah *Ahl al-Sunnah
wa al-Jamā’ah* telah wujud sejak dahulu lagi. Walaubagaimanapun, apa yang
perlu dibincangkan ialah bilakah nama ini digunakan secara rasmi dalam
masyarakat Islam, memandangkan pada masa permulaan, umat Islam hanya
mengenal nama Islam sahaja tanpa menggunakan nama-nama lain. Mereka hanya
meletakkan Rasulullah s.‘a.w. sebagai ikutan dan lebih selesa dengan gelaran
sebagai sahabat baginda.

Sejarah telah mencatatkan bahawa pada zaman Rasulullah s.‘a.w., umat
Islam pada kurun pertama hijrah merupakan generasi terbaik. Mereka mempunyai
kefahaman yang tepat tentang ajaran Islam yang disampaikan oleh Allah SWT
melalui rasulNya. Mereka tidak memerlukan kepada falsafah, atau perbincangan
yang membawa kepada penggunaan disiplin ilmu falsafah, walaupun pada kurun
terunggul itu telahpun wujud kepelbagaian bangsa, keturunan, ras dan budaya
yang tentunya membuahkan kepelbagaian pemikiran dan pendapat.³⁷

Prinsip mereka ini jelas tergambar daripada sikap mereka yang mengiakan
penjelasan Rasulullah s.‘a.w. berkaitan sifat Allah SWT; di mana Rasulullah

³⁶Imād al-Dīn Ismā‘īl b. ‘Amr b. Kathīr (1996), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, j.1. Bayrūt : al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, h. 343.

³⁷Abū al-Ḥasan ‘Alī b. Ismā‘īl al-Asy‘arī (1950), *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, ditahqiq oleh Muḥammad Maḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamid. T.T.P. : T.P., Muqaddimah, h. 8

s. 'a.w. hanya memindahkan apa yang difirmankan oleh Allah SWT sendiri dalam al-Quran berkenaan sifat-sifatNya, dan jika adapun huraian baginda, ia hanyalah berdasarkan kebenaran yang diperolehi oleh baginda daripada Allah SWT menerusi malaikat Jibril.³⁸

Para sahabat juga tidak bertanya secara lebih mendalam lagi walaupun perkara tersebut berlawanan dengan akal mereka, tidak sebagaimana mereka bertanya itu ini kepada Rasulullah s. 'a.w. berkenaan urusan ibadah. Ini adalah kerana mereka cukup memahami bahawa perkara tersebut memiliki keunikan tersendiri, tidak seperti urusan-urusan lain. Mereka adalah generasi terpilih yang memiliki keistimewaan-keistimewaan tersendiri seperti kefasihan yang mendalam dalam bahasa Arab, yang menjadikan mereka mempunyai kefahaman yang jitu, murni dan tepat tentang kehendak Allah SWT yang disampaikan melalui al-Quran. Sebarang perselisihan yang timbul dapat dirujuk seterusnya diselesaikan dengan sempurna oleh Rasulullah s. 'a.w.³⁹

Selepas kewafatan Rasulullah s. 'a.w., beberapa perselisihan mula timbul. Walaubagaimanapun, perselisihan yang wujud ini hanya berkisar tentang masalah yang berhubung dengan amalan atau yang melibatkan bidang ijtihad untuk menegakkan syiar Islam, bukan menyentuh perkara-perkara yang berhubung dengan masalah akidah.⁴⁰

³⁸*Ibid.*

³⁹*Ibid.*, h. 9.

⁴⁰Al-Syahrastānī, *op. cit.*, h.20.

Perbincangan tentang kemunculan perselisihan di kalangan umat Islam selepas kewafatan Rasulullah s.‘a.w. melibatkan suatu huraian yang cukup kompleks. Walaubagaimanapun, penulis merasakan bahawa adalah memadai menyebut tentang perselisihan pertama umat Islam.

Imām al-Asy‘arī berpendapat bahawa perselisihan pertama di kalangan para sahabat ialah khilaf tentang persoalan kepimpinan (Imāmah).⁴¹ Al-Baghdādī menyatakan bahawa khilaf pertama ialah berkenaan kewafatan Rasulullah s.‘a.w.⁴²

Al-Syahrastānī pula berpendapat khilaf yang pertama berlaku di kalangan sahabat adalah lebih awal daripada khilaf tentang kewafatan Rasulullah s.‘a.w. dan masalah *al-imāmah*. Khilaf tersebut ialah khilaf dalam masalah perintah Rasulullah s.‘a.w. supaya dibawakan kepada baginda kertas dan pena untuk ditulis kitab yang tidak akan menyesatkan selepas kewafatan baginda di saat baginda sedang dalam keadaan sakit.⁴³

Selepas daripada perselisihan pertama tersebut, sejarah mencatatkan bahawa episod perpecahan di kalangan umat Islam sering berlaku sehingga melahirkan golongan-golongan seperti Syi‘ah, Khawārij, Murji‘ah dan Mu‘tazilah

⁴¹ Al-Asy‘arī, *op.cit.*, h. 39.

⁴² Al-Baghdādī, *op.cit.*, h. 14.

⁴³ Al-Syahrastānī, *op.cit.*, h. 21.

yang dikategorikan sebagai empat kumpulan utama.⁴⁴ Masing-masing kemudiannya berpecah pula kepada beberapa kumpulan.⁴⁵

Justeru, penggunaan istilah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* secara rasmi muncul sejak kurun-kurun terawal lagi selepas berlakunya fitnah dan perpecahan di kalangan masyarakat Islam. Ia bertujuan untuk membezakan di antara golongan-golongan serpihan seperti Khawarij, Syi'ah, Mu'tazilah dan sebagainya yang telah lahir rentetan daripada perpecahan tersebut. Golongan-golongan tersebut boleh diklasifikasikan sebagai kumpulan yang menyeleweng dari manhaj yang dibawa oleh Rasulullah s. 'a.w. yang menjadi ikutan para sahabatNya.⁴⁶

Pembentangan mengenai kemunculan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dari sudut sejarah ini membuktikan bahawa golongan umat Islam terawal merupakan golongan yang mengikut sunnah Rasulullah s. 'a.w. dan merekalah kumpulan yang paling layak untuk digelar *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Namun, siri-siri perpecahan yang melanda umat Islam pasca zaman Rasulullah s. 'a.w. membuktikan bahawa umat Islam yang benar-benar berpegang kepada ajaran Islam yang suci bersih dari penyelewengan sahaja yang dipanggil golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, manakala yang lain dipanggil golongan *al-aḥwā'* (yang mengikut hawa nafsu) atau golongan *mubtadi'* (yang mereka-reka perkara baru dalam agama).⁴⁷

⁴⁴Sebahagian ulama yang mengkategorikan sedemikian ialah al-Asy'arī dan al-Syahrastānī. Rujuk al-Asy'arī, *op. cit.*, h. 65 dan al-Syahrastānī, *op. cit.*, h. 13.

⁴⁵Huraian lengkap turutan peristiwa perselisihan sehingga mengakibatkan kemunculan kumpulan-kumpulan tersebut dapat diketahui secara terperinci melalui : al-Asy'arī, *op. cit.*, h.12-21., al-Syahrastānī, *op. cit.*, h.19-25., al-Baghdādī, *op. cit.*, h. 14-28.

⁴⁶Zakaria @ Mahmod b. Daud (1997), "Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan Pengaruhnya terhadap Ajaran Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah di Perlis" (Tesis Ph.D, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 368.

⁴⁷*Ibid.*

Kesimpulannya, sejarah mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* bermula sejak zaman Rasulullah s.‘a.w. dan para sahabat baginda. Mereka bukanlah golongan yang melakukan bid‘ah. Justeru, nama tersebut mustahil untuk dinisbahkan kepada mana-mana individu atau kelompok. Oleh yang demikian, mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* tidak dapat ditentukan hari, bulan, tahun atau tarikh tertentu kemunculannya.⁴⁸

Pernyataan ini bersesuaian dengan pernyataan Syaykh al-Islām Ibn Taymiyyah yang pernah menyebut bahawa mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* adalah mazhab *qadīm*. Ia telah menjadi pegangan para sahabat, tabi‘in, *tābi‘ al-tābi‘īn*, juga golongan umat Islam yang lahir selepas mereka. Ia juga merupakan mazhab para sahabat yang bersumber daripada nabi mereka. Mazhab ini telah ada sejak lama dan telah sedia dikenali sebelum kelahiran Abū Ḥanīfah, Mālik, al-Syāfi‘ī dan Aḥmad serta imam-imam *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* yang lain-lain lagi. Kemudian, ia berterusan sehingga ke akhir zaman.⁴⁹

Oleh itu, apabila lahir mana-mana tokoh yang mengajak orang ramai kembali kepada mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* ketika bid‘ah, khurafat dan penyelewengan berleluasa dalam masa yang sama *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dianggap asing, individu ini bukannya membawa perkara baru, tetapi memperbaharui dan menghidupkan semula ajaran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* yang telah ditinggal, diseleweng, diubah dan dirosakkan oleh golongan *mūbtadi‘*

⁴⁸Al-Misrī, *op. cit.*, h.57.

⁴⁹*Ibid.*

sebelumnya. Ia merupakan mata rantai dan kesinambungan perjuangan Rasulullah s. 'a.w. dan para sahabat.⁵⁰

Justeru, tokoh-tokoh terulung dalam sejarah seperti Imām Aḥmad bin Ḥanbal (164H-241H),⁵¹ Abū Hasan al-Asy'arī (270H-324H), Abū Maṣṣūr al-Māturidī (m. 333H), Ibn Taymiyyah (1292-1328H) dan lain-lain, merupakan penyambung bagi menghidupkan ajaran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Mereka bukanlah pengasas golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* sebagaimana yang sering disebut. Rasulullah s. 'a.w., para sahabat, tabi'in dan *tābi' al-tābi'īn* adalah golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* yang terawal. Tokoh-tokoh yang disebutkan tadi dianggap penerus kesinambungan perjuangan mereka.

3.6 Aliran-aliran dalam *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*

Penulis mendapati bahawa majoriti ulama membahagikan golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* kepada dua aliran; *salaf* dan *khalaf*.

⁵⁰ *Ibid*.

⁵¹ Beliau ialah Aḥmad b. Muḥammad b. Ḥanbal b. Ḥilāl b. Asad b. Idrīs b. 'Abd Allāh b. Ḥayyān b. 'Abd Allāh b. Anas b. 'Awf b. Qāsiṭ b. Māzin b. Syaybān seterusnya bersambung nasabnya dengan nabi Ismā'īl dan Ibrāhīm a.s. Beliau dilahirkan di Baghdad pada Rabi' al-Awwal 164 H. Beliau berada di bawah jagaan ibunya setelah kematian ayahnya berumur tiga tahun. Tarikh kewafatan beliau ialah pada hari Jumaat 12 Rabi' al-Awwal 241 H, semasa berumur 77 tahun. Rujuk 'Abd al-Raḥmān al-Jawzī (1982), *Manāqib al-Imām Aḥmad b. Ḥanbal*, ditahqiq oleh Lujnah Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, c. 3. Bayrūt: Dār al-Afāq al-Jadidah, h. 13., Muḥammad Abū Zuhrah (1947), *Ibn Ḥanbal : Ḥayātuh wa 'Asruh, Arā'uh wa Fiqhuh*. Kaherah : Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 12.

3.6.1 Aliran *Salaf*

Penulis telahpun menghuraikan maksud di sebalik perkataan *salaf* dalam keterangan tentang *salaf al-ṣāliḥ*.

Kesimpulannya, kalimah *salaf* dapat diistilahkan sebagai para imam terdahulu dari kalangan generasi tiga kurun pertama yang diberkati, terdiri daripada kalangan sahabat, *tabi'in* dan *tābi' al-tābi'im*. Seterusnya umat Islam yang datang selepas tiga golongan awal di atas sama ada mereka hidup di abad kelima, keenam dan seterusnya sampai ke generasi sekarang, yang berpegang teguh dengan cara dan manhaj para imam tersebut. Golongan ini juga merupakan golongan *salaf*, walaupun di antaranya dan golongan tersebut jauh jaraknya dari segi tempat dan masa.⁵²

Justifikasi daripada itu, sesiapa sahaja yang menyalahi petunjuk mereka, maka mereka tidaklah tergolong dalam kelompok *salaf*, walaupun mereka hidup sezaman dan setempat dengan kelompok *salaf* tersebut.⁵³

Golongan *salaf* ini mempunyai ciri-ciri tertentu. Antaranya ialah:⁵⁴

⁵²Al-Miṣrī, *op. cit.*, h. 52.

⁵³*Ibid.*

⁵⁴Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1991), *Dalā'il al-Tawḥīd*, ditahqiq oleh Khālid Asy'arī al-Raḥman al-'Ak. Bayrūt: Dār al-Nafā'is, h. 12-13.

1. **Mendahulukan nas-nas al-Quran dan sunnah berbanding akal.**

Dalam menghuraikan sesuatu perkara, golongan *salaf* lebih mengutamakan nas-nas al-Qur'an dan sunnah berbanding dengan akal fikiran terutamanya ketika berhujah dalam persoalan akidah. Akal hanyalah sebagai penyokong bagi mengukuhkan kebenaran sesuatu hujah.

2. **Menolak sebarang takwilan ahli-ahli *kalam* terhadap ayat-ayat berkaitan sifat Allah SWT.**

Aliran *salaf* mempunyai keyakinan dan iktikad yang jitu, bahawa Allah SWT tidak menyerupai dan menyamai sesuatupun daripada makhluk ciptaanNya; sama ada dari segi zat, sifat atau perbuatan. Ini adalah kerana Dia memiliki nama-nama yang terbaik, sifat-sifat yang Maha Agung, yang tentunya sama sekali tidak sama dengan makhluk ciptaanNya.⁵⁵

Justeru, dalam membincangkan persoalan berkaitan sifat-sifat Allah SWT yang dipanggil sifat *khabariyah*, seperti sifat (اليد), (الوجه) dan (التوَل), para ulama *salaf* memperakui sifat-sifat tersebut dimiliki oleh Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadith Rasulullah s. 'a.w. dari segi menafi dan mengisbatkan⁵⁶ perkara-perkara tersebut tanpa berhasrat untuk diselewengkan. Mereka tidak mempersoalkan bentuk (*takyīf*),⁵⁷ menyamakannya dengan makhluk

⁵⁵ Al-Salmān, *op. cit.*, h. 92.

⁵⁶ Ahmad b. 'Abd al-Halīm al-Harrānī al-Damsyiqī (Ibn Taymiyyah) (1969), *Syarh Ḥadīth al-Nuzūl*, c. 4. Riyād : Mansyūrāt al-Maktab al-Islāmī, h. 7., al-Maghrawī, *op. cit.*, h. 97.

⁵⁷ *Takyīf* pada asalnya bermaksud menceritakan gambaran sesuatu sifat. Contohnya seseorang memaklumkan bagaimana bentuk dan gambaran tangan Allah SWT atau cara penurunan Allah

(*tamthīl*),⁵⁸ menyelewengkan daripada makna asal (*taḥrīf*)⁵⁹ atau menafikan (*ta'tīl*)⁶⁰ sifat-sifat tersebut.⁶¹ Ini adalah kerana mereka berpendirian bahawa prinsip ini merupakan suatu cara yang lebih selamat.⁶²

Pendirian *salaf* dalam mempertahankan prinsip ini dapat dilihat daripada penjelasan Imām Abū Ḥanīfah yang menyatakan bahawa Allah SWT sememangnya memiliki tangan, wajah dan bentuk yang hanya layak dan sesuai dengan zat dan sifatNya. Beliau turut menyenaraikan dalil-dalil nas al-Quran yang menyebut perkara tersebut.⁶³

Contoh prinsip *salaf* ini juga tergambar daripada pendirian Imām Mālik ketika ditanya tentang maksud Allah SWT *beristiwa*⁶⁴ di atas arasy sebagaimana yang dinyatakan menerusi firmanNya :

SWT ke langit dunia. Rujuk Muḥammad bin Ṣāliḥ bin 'Uthaymin (1986), *Rasā'il fī al-'Aqā'id*, Syubrā : Dār al-Ṣafwah, h. 55.

⁵⁸*Tamthīl* dari segi bahasa ialah menentukan suatu kesamaan bagi sesuatu objek. Justeru, perkara yang ingin disamakan itu hendaklah mempunyai persamaan di dalam setiap segi. Rujuk *Ibid.*, h. 55.

⁵⁹*Taḥrīf* dari segi bahasa ialah perubahan. Manakala definisinya dari sudut istilah ialah menukar lafaz atau makna sesuatu nas. Rujuk *Ibid.*, h. 54.

⁶⁰*Ta'tīl* dari segi bahasa ialah kosong, sunyi atau suatu peninggalan. Maksud yang dikehendaki di sini ialah menafikan sifat-sifat *al-ilāhiyyah* daripada Allah SWT dan menepis dakwaan bahawa ia wujud pada zatNya. Rujuk al-Salimān, *op. cit.*, h. 87.

⁶¹Ibn Taymiyyah (1997), *op. cit.*, h. 8.

⁶²Abd Allāh b. Muḥammad b. 'Abd al-Wahhāb (1983), *Fī 'Aqā'id al-Islām*, ditahqiq oleh Muḥammad Rasyid Riḍā, Bayrūt: Mansyūrāt Dār al-Afāq al-Jadīdah, c.2, h. 152.

⁶³Al-Mullā 'Alī b. Sulṭān Muḥammad al-Qārī (1997), *Syarḥ al-Fiqh al-Akbar li Abī Ḥanīfah al-Nu'mān*, ditahqiq oleh al-Syaykh Marwān Muḥammad al-Sya'ār. Bayrūt: Dār al-Nafā'is, h. 91.

⁶⁴Allah SWT telah menyebut tentang diriNya yang bersemayam di atas arasy di dalam tujuh tempat di dalam al-Quran. Setiap tempat tersebut adalah dengan lafaz (استوى). Tempat-tempat

tersebut ialah Surah Yūnus:3, al-Ra'd : 2, Tāhā :5, al-Furqān :59, al-Sajdah :4, al-Ḥadīd :4 dan al-A'rāf : 54. Terdapat hadith sahih yang menunjukkan bahawa kalimah tersebut memberi makna bersemayam yang bererti tinggi dan mulia. Para sahabat berpendapat bahawa itulah makna yang

tepat bagi kalimah (استوى) sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī daripada Abū al-'Āliyah dan Mujāhid. Pendapat ini kemudiannya diikuti oleh golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Rujuk al-Aṣḥbānī, *op. cit.*, h. 56., Muḥammad b. Ishāq bin Khuzaymah (1988), *Kitāb al-Tawḥīd wa lḥbā' Sifāt al-Rabb*, ditahqiq oleh Muḥammad Khalīl Harrās. Kaherah : Maktabah al-Kullīyyāt al-Azhariyyah, h. 101.

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى.

Maksudnya :

“(Iaitu) Tuhan Yang Maha Pemurah, Yang bersemayam di atas ‘Arasy.”
Surah Tāhā (20): 5

✱

Beliau secara tegas menyatakan bahawa :⁶⁵

“Istiwa’ itu diketahui, manakala bentuknya / caranya tidak diketahui. Beriman dengannya adalah wajib, manakala mempersoalkannya adalah bid’ah.”

Pendapat Imām Abū Ḥanīfah dan Imām Mālik tersebut membuktikan bahawa para ulama *salaf* berpendirian bahawa beriman kepada ayat-ayat *mutasyābih* yang berkaitan dengan sifat *khabariyah* adalah wajib, tanpa melakukan sebarang *takyīf*, *ta’īl* dan mereka melarang daripada mentakwilkan sifat tersebut. Ulama yang berfahaman dengan aliran ini mengembalikan pengetahuan untuk mentakwilkannya kepada Allah SWT.

3. Mengutamakan ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith.

Golongan *salaf* juga beriman dengan sanad-sanad bersambung yang dipersepakati oleh ahli-ahli cendikiawan bahawa ia merupakan suatu yang benar-benar datang daripada Rasulullah s.‘a.w., dengan menggunakan lafaz yang sama sebagaimana asal. Mereka juga beriman dengan perkara yang tersirat di sebaliknya dengan penuh keikhlasan bahawa ia benar; sama sebagaimana yang diterima daripada Rasulullah s.‘a.w.⁶⁶

⁶⁵Al-Aṣḥbānī, *op. cit.*, h. 81., al-Bayhaqī, *op. cit.*, h. 257.

⁶⁶Al-Aṣḥbānī, *op. cit.*, h. 477.

Contoh pendirian ini dapat dibuktikan melalui kata-kata al-Zuhri yang menyebut bahawa :

*"Sesungguhnya Allah SWT yang menerangkan dan Rasulullah s. 'a.w. menyampaikan manakala kita menerima. Kita melaksanakan hadith sebagaimana yang kita dengar, kita tidak menyatakan berkaitan sifat Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan oleh golongan Jahmiyah dan mereka yang sependapat dengannya, bahkan kita menetapkan sifat Allah SWT dengan iman dan taqwa."*⁶⁷

4. Menjadikan para sahabat dan tabi'in serta para imam mujtahid sebagai ikutan.

Para sahabat, tabi'in serta para imam mujtahid merupakan rangkaian model terunggul yang menjadi ikutan dan teladan bagi golongan *salaf*. Sejarah perjalanan hidup mereka di zaman silam menjadi rujukan dalam membuat sebarang tindakan; terutamanya dalam persoalan yang melibatkan hukum-hakam.

• Contoh aliran *salaf*

Pendirian *salaf* dapat dilihat melalui kemunculan golongan yang menggelarkan diri mereka sebagai golongan *salafiyah*⁶⁸ yang bermanhaj *salaf al-salih*.

⁶⁷ *Ibid.*

⁶⁸ Aliran ini muncul di tengah kewujudan pelbagai aliran dalam membincangkan akidah Islam. Pada tempoh darsawarsa tersebut, timbul golongan yang menjadikan akal dan falsafah sebagai pegangan utama mereka. Masing-masing mempertahankan bahawa pendirian mereka adalah terbaik. Justeru, aliran *salafiyah* ini cuba mengembalikan akidah Islam sebagaimana asalnya di zaman sahabat dan tabi'in. Mereka menjadikan al-Quran dan sunnah yang merupakan sumber asli, sebagai rujukan utama. Rujuk Al-Syak'ah, *op. cit.*, h. 491.

Maksud aliran *salafiyyah* di sini ialah aliran yang lahir dan dipopularkan pada kurun keempat hijrah. Para pengikut mazhab Hanbalī melancarkan fahaman yang dikatakan diambil daripada Imām Ahmad bin Hanbal⁶⁹ yang cuba menghidupkan akidah *salaf* dan menentang selainnya. Perjuangan kumpulan ini seterusnya disambung pada kurun ketujuh hijrah oleh Ibn Taymiyyah (1292-1328H).⁷⁰ Usaha ini telah diteruskan pula di Semenanjung Tanah Arab pada kurun ke dua belas hijrah yang dihidupkan oleh Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb (1115-

⁶⁹Imam Ahmad b. Hanbal merupakan salah satu tokoh yang paling masyhur sebagai imam *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Walaupun imam-imam lain sebelum beliau sememangnya mempunyai akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* yang cukup mantap, tetapi pendirian beliau agak ketara disebabkan peristiwa ‘Fitnah Khalq al-Quran’ pada zaman pemerintahan tiga khalifah Abbasiyah yang beraliran Mu‘tazilah iaitu Ma‘mūn, Mu‘taṣim dan Wāthiq. Mereka telah memaksa para ulama pada zaman tersebut supaya mengaku bahawa al-Quran adalah makhluk. Imam Ahmad b. Hanbal merupakan salah seorang daripada empat tokoh ulama yang kuat mempertahankan bahawa al-Quran bukan makhluk tetapi kalam Allah. Tiga tokoh lain selain beliau ialah: Muḥammad b. Nūh, al-Ḥasan b. Ḥamād Sajjādah dan ‘Ubayd Allāh b. Amr al-Qawārīn. Huraian terperinci tentang biodata Imam Ahmad b. Hanbal dan peristiwa tersebut dapat dilihat dalam Ibn Kathir (1997), *op. cit.*, h. 296-298 dan 352-362. Abū Bakr al-Khallāl (1988), *al-‘Aqīdah li al-Imām Ahmad b. Hanbal*, ditahqiq oleh ‘Abd al-‘Azīz ‘Iz al-Dīn al-Sayrawān. Damsyiq : Dār Qutaybah., h. 21-28.

⁷⁰Beliau ialah Ahmad b. ‘Abd al-Ḥalīm b. ‘Abd al-Salām b. ‘Alī b. ‘Abd Allāh b. Taymiyyah. *Kunyahnya* Abū al-‘Abbās dan *laqabnya* Taqy al-Dīn. Nisbah al-Harrānī pada nama beliau mengambil sempena tempat kelahiran beliau di bandar Harrān, al-Dimasyqī pula kerana beliau berpindah dan tinggal menetap di bandar Dimasyq (Damascus / Damsyiq) , al-Hanbalī pula kerana beliau tergolong sebagai pengikut mazhab Hanbali. Beliau dilahirkan pada 10 Rabi‘ al-Awwāl tahun 661H, bersamaan 22 Januari 1263 M di Harrān. Banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang sehingga melebihi 300 buah, malah ada pendapat yang mengatakan penulisan beliau mencapai 500 buah. Tarikh kematian beliau ialah pada malam Isnin 20 Dhu al-Qi‘dah 728H bersamaan 26 September 1328 H. Kematian beliau diratapi oleh seluruh penduduk Dimasyq. Lebih daripada 215,000 orang dianggarkan menziarahi jenazahnya. Rujuk Khayr al-Dīn al-Zereklī (1979), *al-A‘lām*, j. 3, c. 4, Bayrūt : Dār al-‘Ilm al-Malāyīn, h. 105.

1206H),⁷¹ sehingga golongan yang mengikut usaha beliau digelar sebagai golongan Wahabi.⁷²

Sememangnya menjadi realiti yang tidak dapat disangkal lagi bahawa imam-imam mazhab empat juga merupakan barisan tokoh ulung yang menjadikan al-Quran dan sunnah sebagai rujukan primer mereka, tetapi mereka tidak dikenali dengan nama golongan *salaf* disebabkan jarak pemisah antara mereka dengan zaman sahabat dan tabi'in tidak jauh, bahkan ada antara mereka yang sempat berguru dengan tabi'in.⁷³

Namun, disebabkan tempoh masa yang panjang dan percambahan pemikiran umat Islam yang tidak dapat disekat, muncul pertembungan pelbagai mazhab antara dua jarak masa; di antara mazhab lama seperti Syi'ah, Khawārij dan Mu'tazilah dengan mazhab baru seperti Asyā'irah dan al-Māturidiyyah. Kumpulan *salafiyyah* ini cuba membetulkan semula aliran-aliran yang menyeleweng daripada mazhab *salaf*.⁷⁴

⁷¹Beliau ialah Muhammad b. 'Abd al-Wahhāb b. Sulaymān b. Bārīd b. Muṣrif al-Tamīmī. Beliau dilahirkan di daerah 'Uyaynah di Najd (utara Riyāḍ) pada tahun 1115H bersamaan 1703M. Beliau turut menghasilkan banyak karya di dalam pelbagai bidang. Antaranya ialah *Uṣūl al-Imān*, *Mukhtaṣar Zād al-Ma'ād*, *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Thalāthah al-Uṣūl* dan lain-lain. Pada awal bulan Syawal tahun 1206 H beliau telah ditimpa sejenis penyakit. Tidak lama selepas itu beliau meninggal pada akhir bulan yang sama di tahun tersebut. Biodata beliau dapat dilihat di dalam Syaykh Kāmil Muḥammad Muḥammad 'Uwayḍah (1996), *al-Imām Muḥammad Ibn 'Abd al-Wahhāb : Syaykh al-Mujaddidīn fī al-'Asr al-Hadīth*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah., Syaykh Aḥmad b. Ḥajar Āli Abū Tāmi (1999), *al-Syaykh Muḥammad Ibn 'Abd al-Wahhāb 'Aqīdatuh al-Salafiyyah wa Da'watuh al-Iṣlāhiyyah*. Riyāḍ : al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah, h. 68, 22 dan 37., Mas'ūd al-Nadāwī (1977), *Muḥammad Ibn 'Abd al-Wahhāb Muṣliḥ Maḥlūm wa Muṣṭarā 'Alayh*, ditahqiq oleh 'Abd al-'Ālim al-Bastawī. Makkah : Jāmi'ah Mālik 'Abd al-'Aziz, h. 36.

⁷²Muḥammad Abū Zuhrah (t.t.), *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah fī al-Siyāsah wa al-'Aqā'id wa Tārīkh al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 187.

⁷³*Ibid*.

⁷⁴*Ibid*.

Justifikasi daripada itu, timbul perdebatan yang hangat di antara aliran *salafiyyah* dengan pengikut mazhab-mazhab umum yang telah sedia ada ini, khususnya dengan aliran al-Asyā'irah kerana masing-masing mempertahankan bahawa merekalah golongan yang paling tepat mengikut mazhab *salaf*.⁷⁵

Pendirian aliran ini dapat diperlihatkan melalui usaha Ibn Taymiyyah yang menegaskan bahawa tidak ada kaedah terbaik dalam mengetahui perkara dasar dan cabang akidah dan hukum-hukum, melainkan daripada al-Quran dan sunnah. Akal tidak berhak untuk mentakwilkan dan mentafsirkan ayat-ayat al-Quran melainkan dengan kadar yang tidak melangkaui nas dan seiring dengan hadith-hadith yang di*wurūkan*. Akal hanya berfungsi menyokong dan membenarkan wahyu. Peranannya hanya terhad sebagai saksi, bukannya hakim.⁷⁶

Aliran *salafiyyah* ini juga tegas mempertahankan pendirian *salaf* yang menyifatkan Allah SWT dengan sifat-sifat yang telah di*ithbākan* oleh Allah SWT sendiri atau melalui penerangan yang disampaikan oleh RasulNya, tanpa melakukan *takyīf*, *tamthīl*, *tafrīf* atau *ta'tīl*.⁷⁷

Mereka mempunyai keyakinan bahawa Allah SWT memiliki sifat kasih (المحبة), marah (الغضب), redha (الرضا), marah (السخط), berbicara (الكلام), bersemayam di atas arasy (استوى على العرش) dan turun (النزول), sebagaimana mereka menetapkan adanya wajah, tangan dan sebagainya tanpa menetapkan

⁷⁵*Ibid.*

⁷⁶Muhammad Abū Zuhrah, *op. cit.*, h. 189., al-Syak'ah, *op. cit.*, h. 492.

⁷⁷Ibn Taymiyyah (1997), *op. cit.*, h. 8

bentuk-bentuk atau menyerupakan perkara tersebut dengan makhluk ciptaan Allah SWT.⁷⁸

3.6.2 *Khalaf* :

Perkataan *khalaf* dari segi bahasa mempunyai beberapa definisi. Ibn Manzūr menjelaskan makna perkataan ini melalui beberapa *taʿrīf*, antaranya ialah:

(حلف - يُخلف - خلفا) (خلف - يُخلف - خلافة) (خلف - يُخلف - خلّوفا)

Kesemua *taʿrīf* di atas pula memberikan beberapa maksud yang berbeza. Walaubagaimanapun, perkataan *khalaf* yang paling sesuai dengan skop perbincangan di sini ialah *taʿrīf* pertama, yang antara lain bermaksud orang-orang yang terkemudian (pengikut atau pengganti kepada setiap generasi yang telah lepas).⁷⁹

Al-Quran ada merakamkan beberapa ayat berhubung *khalaf*, antaranya ialah :

Pertama :

فَجَعَلْنَاهَا نَكَالًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَلْفَهَا وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ.

Maksudnya:

"Maka Kami jadikan apa yang berlaku itu sebagai suatu hukuman pencegah bagi orang-orang yang ada pada masa itu dan orang-orang yang datang kemudian, dan suatu pengajaran bagi orang-orang yang (hendak bertaqwa)."

⁷⁸ Al-Syak'ah, *op. cit.*, h. 492. Abū Zuhrah, *op. cit.*, h. 193.

⁷⁹ Ibn Manzūr, *op. cit.*, h. 85.

Perkataan *khalaf* di dalam ayat ini memberi maksud generasi atau orang yang datang selepas zaman berlakunya peristiwa manusia dijelmakan menjadi kera, yang tidak melihat peristiwa tersebut.⁸⁰

Kedua :

فَرِحِينَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَيَسْتَبْشِرُونَ بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا
بِهِمْ مِنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ.

Maksudnya:

"Dan mereka bergembira dengan berita baik mengenai (saudara-saudara mereka) orang-orang (Islam yang sedang berjuang) yang masih tinggal di belakang, yang belum (mati dan belum) sampai kepada mereka, iaitu bahawa tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita."

Surah Āli 'Imrān (3):170

Perkataan *khalaf* di dalam ayat ini bermaksud saudara-saudara para *syuhada'* dari kalangan orang-orang yang masih hidup yang akan menyambung perjuangan dan jihad mereka.⁸¹

Ayat-ayat contoh di atas menunjukkan bahawa perkataan *khalaf* membawa maksud generasi pengganti, yang datang kemudian atau selepas sesuatu zaman tertentu. Ringkasnya, pengertian ini dapat disimpulkan dalam satu susunan kalimah yang bermaksud : suatu generasi kemudian yang datang sebagai ganti kepada generasi sebelumnya.⁸²

⁸⁰ Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī (1992), *Ṣafwah al-Tafāsīr*, Damsyiq : Maktabah al-Ghazālī, c.3, h. 25.

⁸¹ Al-Suyūṭī, *op. cit.*, j. 2, h. 375

⁸² *Ibid.*, h. 15.

Perkataan *khalaf* dari sudut istilah pula dikhususkan kepada setiap individu yang tidak mengikut manhaj *salaf* sekalipun hidup di zaman terawal Islam.⁸³ Sebagaimana aliran *salaf* yang tidak dikhususkan kepada kurun tertentu yang berakhir dengan kematian individu-individunya, maka istilah *khalaf* juga tidak terhad kepada jarak masa tertentu.⁸⁴

Namun, adalah menjadi suatu kesalahan sekiranya kita meletakkan stigma bahawa terdapat aliran *khalaf* di kalangan para sahabat, tabi'in dan *tābi' al-tābi'm*. Hal ini adalah disebabkan kerana adanya dalil-dalil nas daripada al-Quran dan hadith sebagaimana yang penulis telah sebutkan, yang tersirat pujian bersifat syar'ie terhadap golongan istimewa yang terpilih itu. Tidak hairanlah sekiranya kita dapati bahawa bid'ah sangat jarang ditemui pada tiga kurun terawal tersebut lantaran adanya kebenaran yang teguh, didukung oleh ketepatan memahami nas dan dekatnya jarak dengan *marḥalah* kenabian.

Sebagaimana aliran *salaf* yang memiliki kriteria yang tersendiri, aliran *khalaf* juga memiliki ciri-ciri tertentu, yang memungkinkan wujudnya perbezaan di antara satu sama lain.⁸⁵ Ciri-ciri aliran *khalaf* ialah sebagaimana berikut :

⁸³ Al-Maghrawī, *op. cit.*, h. 254.

⁸⁴ Ibrahim b. Muḥammad b. 'Abd Allāh al-Buraykān (Dr.) (1998), *Pengantar Studi Aqidah Islam*. Muḥammad Anis Matta (terj.), Jakarta : Robbani Press, h. 16.

⁸⁵ T.M. Hasbi al-Siddiqy (Dr.) (1973), *Sejarah dan Pengantar Ilmu Tauhid*. Jakarta : Penerbitan Bulan Bintang, h. 40.

1. **Mentakwil ayat-ayat *mutasyābih*⁸⁶ sesuai dengan kehendak akal dan selari dengan iktikad mensucikan Allah SWT dari sifat yang tidak layak bagiNya.**

*

Mazhab *khalaf* mentakwilkan sifat-sifat Allah SWT daripada zahirnya seperti mentakwilkan sifat *istiwa'* dengan *istila'*, *al-yad* dengan *al-Qudrah* dan *al-ni'mah*.⁸⁷

2. **Menggunakan dalil-dalil aqli yang bersifat Mantiq.**

Mazhab *khalaf* sering menggunakan dalil-dalil aqli yang bersifat Mantiq dalam perbahasan mereka berkaitan persoalan akidah. Walaubagaimanapun, aliran ini mempunyai alasan tersendiri yang mendorong mereka memiliki ciri-ciri tersebut. Di antaranya ialah⁸⁸ :

- i) Perdebatan-perdebatan yang terjadi antara ulama *salaf* generasi pertama dengan penganut-penganut agama lain yang mempunyai pengetahuan tentang falsafah. Penganut-penganut ini tidak menerima begitu sahaja apa yang diucapkan oleh al-Quran dan tidak merasa cukup dalil naqli yang diberikan tanpa disertai oleh dalil 'aqli.
- ii) Seiring dengan peredaran zaman, generasi terkemudian yang terdiri daripada pelbagai bangsa telah melalui perkembangan pendapat dan

⁸⁶ Ayat-ayat *mutasyābih* ialah lawan kepada ayat-ayat *muḥkam*. Ia merupakan ayat-ayat al-Quran yang boleh mendatangkan kekeliruan dan keraguan di dalam menafsirkannya ; kerana ia hampir menyamai perkataan lain sama ada dari sudut lafaz ataupun makna. Rujuk Ahmad Hasan Farḥāt (Dr.) (1998), *Ma'ānī al-Muḥkam wa al-Mutasyābih fī al-Qur'ān al-Karīm*. 'Ammān : Dār 'Ammār, h. 80.

⁸⁷ Muḥammad b. 'Abd al-Wahhāb (1983), *loc. cit.*

⁸⁸ T.M. Hasbi al-Siddiqy, *op. cit.*, h. 41.

kepercayaan. Mereka berpendirian bahawa setiap anggota masyarakat sesuatu tamadun yang memperoleh kemajuan dan kebudayaan, di dalam menghadapi pendapat-pendapat orang dahulu yang diwariskan oleh orang-orang sebelum mereka, terbahagi kepada dua golongan :

- a) Golongan yang teguh berpegang kepada apa yang ada.
- b) Golongan yang menghendaki kemerdekaan berfikir, yang memberi hak yang penuh kepada akal dan merasa perlu mengkritik jalan-jalan yang telah ditempuh oleh orang-orang terdahulu.

3. **Hadith-hadith *Aḥād* tidak diterima pakai dalam akidah.**

Hadith-hadith *Aḥād* tidak diguna pakai dalam bab akidah khususnya berhubung dengan nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT. Ini sangat ketara di mana mereka tidak menerima pakai hadith-hadith yang menerangkan sifat-sifat Allah SWT seperti (أصابع) dan lain-lain lagi.

4. **Membahagikan sifat Allah SWT kepada empat bahagian;**

Bahagian-bahagian tersebut ialah Sifat *Nafsiyyah* (*Wujūd*), Sifat *Salbiyyah* (*Qidam*, *Baqā'*, *Mukhālafatuhū li al-Ḥawādith*, *Qiyāmuhū Binafsih* dan *Waḥdāniyyah*), Sifat *al-Ma'ānī* (*Qudrah*, *Irādah*, *Ilm*, *Ḥayāh*, *Sam'* *Baṣr*, *Kalām*) dan Sifat *Ma'nawiyyah* (*Qādir*, *Murīd*, *Ālim*, *Ḥayy*, *Samī'*, *Baṣīr*, *Mutakallim*).

• Contoh aliran *khalaf*

Al-Maghrawī menerusi *al-Mufasssīrūn bayn al-Ta'wīl wa al-Ithbāt fi Āyāt al-Ṣifāt* telah membahagikan aliran *khalaf* khususnya dalam bab sifat-sifat Allah SWT kepada beberapa aliran. Salah satu daripadanya ialah aliran Asyā'irah.⁸⁹

Aliran ini muncul pada akhir kurun ketiga, yang dibawa oleh Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī (260H–324H) dan dipopularkan kemudiannya oleh Imām Abū Manṣūr al-Māturidī (m. 333H).⁹⁰ Beliau dikatakan cuba menghidupkan pendapat Imām Aḥmad bin Ḥanbal dan cuba mempraktikkan manhaj beliau dalam menangani masalah akidah.

Imām Abū Ḥasan al-Asy'arī⁹¹ telah mengambil jalan tengah di antara dalil aqli dan naqli dalam masalah akidah.⁹² Beliau mensabitkan apa yang telah

⁸⁹ Al-Maghrawī, *op. cit.*, h. 305-320

⁹⁰ Nama penuh beliau ialah Muḥammad b. Muḥammad b. Maḥmūd al-Ḥanafī (m. 333H). Tidak ada sumber rujukan yang menyebut tarikh tepat kelahiran beliau. Namun, apa yang pasti, beliau dilahirkan semasa pemerintahan al-Mutawakkil (232-247 H). Walaubagaimanapun, kebanyakan sumber rujukan bersetuju bahawa tarikh beliau meninggal ialah pada 333H di Samarqand. Nisbah al-Māturidī yang disandarkan kepada beliau adalah sempena Maturid, sebuah daerah atau kampung di Samarqand, bermazhab Hanafi dan menghasilkan karya-karya seperti kitab *al-Tawḥīd*, *al-Maqālāt*, *Rad Awāl al-Adillah li al-Ka'bi* dan *Ta'wīl al-Qur'ān*. Rujuk al-Husayni al-Zābidi, *op. cit.*, h. 5.

⁹¹ Imam Abū Ḥasan al-Asy'arī sememangnya telah melalui beberapa peringkat di dalam bidang akidah. Peringkat-peringkat tersebut ialah :

Peringkat Pertama : Abū al-Ḥasan menganut aliran Mu'tazilah.

Peringkat ini berlaku kerana beliau hidup selama 40 tahun (Ada pendapat yang menyatakan sehingga beliau berumur 40 tahun; rujuk 'Abd al-Raḥmān Badāwī (Dr.) (t.t.), *Madhāhib al-Islāmiyyin*, j. 1. Bayrūt: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 492.) bersama Abū 'Alī al-Jubā'ī seorang ulama Mu'tazilah yang juga bapa tiri beliau.

Peringkat Kedua : Abū al-Ḥasan dan akidah al-Kullābiyyah.

Iaitu peringkat peralihan daripada Mu'tazilah kepada sunni walaupun belum sepenuhnya kerana masih mengikut fahaman Ibn Kullab. Ia berpunca daripada perbincangannya dengan al-Jubā'ī yang meragukan beliau dan mimpi bertemu Rasulullah s.a.w. yang dialaminya telah membuka hatinya kepada hidayah. Akhirnya beliau meninggalkan fahaman Mu'tazilah dan bermufaraqah dengan al-Jubā'ī. (Huraian terperinci tentang topik perbincangan dengan al-Jubā'ī dan mimpi berjumpa Rasulullah s.a.w. dapat diteliti dalam Badāwī, *op. cit.*, h. 492-502). Fahaman al-Kullābiyyah tidak dianggap sunni kerana mengithbatkan tujuh sifat berdasarkan akal (الصِّغَاتُ الْعَقْلِيَّةُ السَّبْعَةُ). Sifat-sifat tersebut ialah Maha Hidup (الْحَيَاةُ), Maha Mengetahui (الْعِلْمُ), Maha Kuasa (الْقُدْرَةُ),

dijelaskan oleh al-Quran dan hadith berkenaan sifat-sifat Allah SWT, rasul-rasulNya, hari akhirat, malaikat-malaikat, hisab dan balasan, dengan menggunakan dalil *'aqli* untuk mengukuhkan kebenaran al-Quran. Beliau berpendirian bahawa akal bukanlah pemutus dalam menentukan sifat Allah SWT atau mentakwilkannya tetapi peranannya hanyalah membantu menyokong keterangan dalil *naqli*.⁹³

Adunan di antara *'aqli* dan *naqli* ini juga diperlengkapkan oleh beliau dengan kecenderungan kepada penggunaan falsafah dan kaedah Mantiq, khusus untuk membincangkan persoalan yang berlegar di sekitar masalah akidah.⁹⁴

Maha Menghendaki (الإرادة), Maha Mendengar (السمع), Maha Melihat (البصر) dan Maha Bercakap (الكلام). Fahaman aliran al-Kullābiyyah ini juga menakwilkan semua sifat Allah SWT berdasarkan akal. Seperti muka (الوجه) ditakwil kepada diri, tangan (اليد) kepada kekuasaan, tapak kaki, betis dan sebagainya kepada makna yang sesuai dengan akal fikiran. Kesesatan fahaman ini telah ditegaskan oleh Abū al-Ḥasan di dalam kitabnya *al-Luma' fī al-Rad 'alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*, iaitu setelah beliau keluar dan bertaubat dari fahaman Mu'tazilah dan Kullābiyyah. Fahaman ini kemudiannya dikembangkan dan dipelopori oleh aliran al-Māturidiyyah. (Pada peringkat kedua inilah yang dimaksudkan dengan aliran Asy'airah yang dinisbahkan kepada beliau sebagaimana yang difahami oleh masyarakat sekarang. Di antara prinsip di dalam peringkat ini ialah konsep 'Sifat 20' yang menghuraikan tentang 20 sifat wajib dan mustahil bagi Allah. Justeru, berlaku suatu kesilapfahaman terhadap prinsip akidah beliau yang sebenar – penulis. Keterangan tentang 'Sifat 20' boleh dilihat dalam kitab seperti *Umm al-Barāhīn* karangan Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Yūsuf al-Sanūsī.

Peringkat Ketiga : Abū Ḥasan dan akidah *salafīyyah* sepenuhnya.

Beliau telah menetapkan segala sifat-sifat Allah SWT *tanpa takyīf, tasybīh, ta'īl, taṭrīf* dan *tajsim*, selari dengan prinsip *salaf al-sāliḥ* (sebagaimana yang di jelaskan di dalam karya beliau yang terakhir iaitu *al-Ibānah 'an Usūl al-Diyānah*). Huraian tentang peringkat-peringkat yang dilalui oleh beliau boleh dirujuk dalam al-Husaynī al-Zābidi, *op. cit.*, h. 4., al-Maghrawī, *op. cit.*, 307-309., Rasul b. Dahri (2001), *Akidah Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah Mengikut Manhaj Salaf al-Soleh*. Kuala Lumpur : Perniagaan Jahabersa, h. 251-253., Muḥammad b. Sāliḥ al-'Uthaymīn (Dr.) (1413H), *al-Qawā'id al-Muthlā fī Šifā' Allāh wa Asmā'ih al-Ḥusnā*. Amerika Syarikat : Ma'had al-'Ulūm al-Islāmiyyah wa al-'Arabiyyah, h. 107-108., Abū al-Ḥasan al-Asy'arī (1981), *al-Ibānah 'an Usūl al-Diyānah*. Damsyiq : Maktabah Dār al-Bayān, Muqaddimah, h. 4., Zakaria @ Mahmud b. Daud (1996), "Hubungan Akidah Imam al-Asyari dan Al-Asyairah" (Prosiding Seminar Akidah Ahlis Sunnah Wal Jamaah anjuran Badan Perkhidmatan Penerangan Islam, Selangor dan Wilayah Persekutuan, Malaysia dan Persatuan Ulama Pulau Pinang dan Seberang Perai di Universiti Teknologi Malaysia, 25 Disember 1996), h. 96-97.

⁹² Jalāl Muḥammad Mūsā (Dr.) (1975), *Nasy'ah al-Asy'ariyyah wa Taḥawwuruhā*. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-Lubnānī, h. 187.

⁹³ Abū Zuhrah, *op. cit.*, h. 167-168.

⁹⁴ *Ibid*.

Prinsip yang dimiliki oleh beliau ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut :⁹⁵

1. Beliau merupakan tokoh yang keluar daripada Mu'tazilah dan pernah terdidik dengan acuan pemikiran mereka. Corak yang telah sebatini telah mendorong beliau memilih cara mereka yang menggunakan kaedah Mantiq dan falsafah.
2. Kemunculan beliau antara lain disebabkan ingin menangkis serangan Mu'tazilah terhadap pemikiran Islam. Umum mengetahui bahawa Mu'tazilah menjadikan akal sebagai perisai utama mereka. Justeru, beliau memiliki prinsip bahawa penggunaan akal merupakan langkah yang paling tepat untuk menghadapi mereka.
3. Beliau cukup gigih berusaha menolak aliran falsafah, Batiniah dan sebagainya. Kebanyakan daripada mereka tidak menerima sebarang hujah melainkan sekiranya kaedah Mantiq dan penggunaan akal digunakan bagi mematahkan kedangkalan hujah mereka.⁹⁶

Selain daripada itu, beliau juga beriktikad bahawa Allah SWT mempunyai wajah dan tangan tetapi tidak menyerupai wajah dan tangan makhluk. Hadith *Aḥād* bagi beliau boleh digunakan untuk berhujah dalam perkara akidah, sebagaimana hadith *Mutawātir*.⁹⁷

Selepas al-Asy'ari muncul segolongan ulama yang mempunyai aliran yang turut berkecenderungan mempertahankan prinsip pertengahan di antara dalil '*aqli*'

⁹⁵*Ibid.*

⁹⁶Abū Zuhrah, *op. cit.*, h. 168.

⁹⁷*Ibid.*, h. 165., Muḥammad Ḥamzah (1985), *al-Ta' alluf Bayn al-Firaq al-Islāmiyyin*. Damsyiq: Dār Qutaybah, h. 197.

dan *naqli*. Mereka secara terang-terangan menyokong pendapat dan mengikut jejak langkah beliau. Para ulama tersebut antaranya ialah Abū Bakr Muḥammad al-Bāqilānī (403H), Abū Bakr Muḥammad bin al-Ḥasan (406H), Abū al-Muẓaffar Ṭāhir al-Aṣfiraynī (418H), ‘Abd al-Qāhir al-Baghdādī (429H), ‘Abd al-Mālik al-Juwaynī (478 H), al-Ghazālī (505H) al-Syahrastānī (548H) dan Fakhr al-Dīn al-Rāzī (606H). Kesungguhan para ulama ini dalam melebarkan sayap pengaruh ajaran dan pendapat beliau terbukti dengan tertubuhnya aliran kalam atas nama al-Asyā’irah yang mendapat sambutan yang menggalakkan pada permulaan kurun keempat hijrah.⁹⁸

Seiring dengan pertumbuhan aliran ini, muncul juga aliran al-Māturidiyyah yang disandarkan kepada Imām Abū Manṣūr al-Māturidī (m. 333H). Walaupun terdapat sedikit perbezaan pendapat antara kedua-dua aliran ini dalam membincangkan persoalan ilmu kalam,⁹⁹ namun masing-masing mempunyai keserasian yang tersendiri sehingga akhirnya mampu membuahkan persamaan.¹⁰⁰

3.7 Manhaj *Ahl Sunnah wa al-Jamā’ah*

Para ulama telah menyenaraikan beberapa dasar yang menjadi tunjang untuk membezakan antara *Ahl Sunnah wa al-Jamā’ah* dengan kumpulan-kumpulan lain; sama ada dari sudut akidah, ibadah, akhlak dan sebagainya. Dasar-dasar tersebut antara lain ialah :

⁹⁸ Abū Zuhrah, *op. cit.*, h. 176.

⁹⁹ *Ibid.*

¹⁰⁰ Arfān ‘Abd al-Ḥamid (Dr.) (1984), *Dirāsāt fī al-Firaq wa al-‘Aqā’id al-Islāmiyyah*. Bayrūt : Muassasah al-Risālah. h. 150.

3.7.1 Mendahulukan nas al-Quran dan hadith dari segala sumber rujukan lain.¹⁰¹

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah adalah ahli al-Quran dan sunnah kerana mereka lebih mengutamakan *kalam* Allah SWT dari mana-mana *kalam* manusia. Seterusnya mereka juga lebih mengutamakan petunjuk nabi Muhammad s.‘a.w. daripada petunjuk manusia lain dan menurut *athārnya* zahir dan batin.¹⁰²

Mereka juga akan menetapkan sesuatu perkataan, menjadikannya usul agama dan mengambilnya sebagai perbicaraan mereka, sekiranya diyakini ia didatangkan oleh Rasulullah s.‘a.w. daripada al-Quran.¹⁰³

Mereka juga berpendirian bahawa segala perkara yang menimbulkan kesangsian berkaitan masalah sifat, qadar, janji baik dan janji buruk, nama-nama Allah SWT serta perkara-perkara *al-ghaybiyyāt* yang lain, semestinya dirujuk kepada Allah SWT dan RasulNya. Sekiranya ia bercanggah dengan kedua-duanya, ia akan ditolak.¹⁰⁴

3.7.2 Mengutamakan ijma‘ dan pendapat para sahabat dan tabi‘in.¹⁰⁵

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah amat meyakini bahawa golongan manusia yang paling mengetahui tentang agama Allah SWT selepas Rasulullah s.‘a.w.

¹⁰¹ Al-Miṣrī, *op. cit.*, h. 65.

¹⁰² *Ibid.*

¹⁰³ *Ibid*

¹⁰⁴ *Ibid*

¹⁰⁵ *Ibid.* h. 66.

ialah para sahabat baginda dan *salaf al-ṣāliḥ*. Segala perkara yang merupakan ijma' mereka dalam urusan agama adalah terpelihara.¹⁰⁶ Justeru, tidak hairanlah sekiranya mereka tidak mengesampingkan ijma' generasi ulung ini sebagai sumber ketiga selepas al-Quran dan sunnah.

3.7.3 Mendahulukan nas syara' daripada akal

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah hanya tunduk dan iltizam dengan metodologi keilmuan yang direntasi oleh para *salaf al-ṣāliḥ*. Oleh kerana golongan *salaf al-ṣāliḥ*, terutamanya para sahabat Rasulullah s. 'a.w. mempelajari tafsir al-Quran dan hadith daripada Rasulullah s. 'a.w., seterusnya menyampaikan ajaran tersebut kepada para tabi'in yang datang sesudah mereka, maka *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* juga turut mengikut jejak langkah mereka.¹⁰⁷

Mereka tidak melampaui perintah Allah SWT dan RasulNya dengan mendahulukan fikiran, perasaan, ^{وهم} gerak hati dan sebagainya. Kesemua elemen sampingan ini hanya bertindak sebagai penyokong sahaja, bukannya sebagai pemutus.

3.7.4 Sederhana dalam semua perkara

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yakin dengan apa yang telah didatangkan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan dihuraikan oleh Rasulullah s. 'a.w. melalui hadith-hadith baginda, tanpa melakukan sebarang perubahan atau penyelewengan.

¹⁰⁶ *Ibid.*

¹⁰⁷ *Ibid.*, h.67.

Prinsip mereka, jika ditinjau daripada aspek keimanan berkaitan sifat-sifat Allah SWT, merupakan pertengahan di antara golongan Jahmiyyah yang mengubah makna secara mutlak, dan Musyabbahah yang menyerupakan sifat Allah SWT dengan sifat makhluk-makhluk ciptaanNya.¹⁰⁸

3.7.5 Menyuruh perkara yang disuruh oleh Allah SWT dan mencegah perkara yang dilarang olehNya.¹⁰⁹

Pendirian mantap *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dapat dinilai melalui komitmen mereka yang menjadikan konsep "*amar ma'ruf nahi mungkar*" sebagai salah satu manhaj mereka.

Mereka berpendapat bahawa menunaikan haji, melaksanakan jihad dan ibadah-ibadah khusus yang lain merupakan perkara yang perlu dilaksanakan. Mereka juga berpendirian bahawa membudayakan amalan saling nasihat-menasihati ke arah mencapai akhlak yang baik merupakan kriteria yang perlu diaplikasikan, sebagaimana mereka juga turut menghalang diri mereka dan saudara seislam yang lain daripada menjadikan perkara yang tidak baik sebagai salah satu gaya hidup.¹¹⁰

¹⁰⁸ Ibn Taymiyyah (1997), *op. cit.*, h. 95.

¹⁰⁹ *Ibid.*

¹¹⁰ *Ibid.*

3.8 Kesimpulan

Huraian penulis berkenaan konsep *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dari sudut definisi, sejarah perkembangan, aliran-aliran yang terdapat di dalamnya, serta prinsip-prinsip umum mereka membuktikan bahawa golongan ini mempunyai identiti tersendiri.

Mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* diasaskan sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi, diikuti oleh para sahabat, tabi'in, pengikut-pengikut mereka seterusnya umat Islam yang mencintai jalan yang ditempuh oleh golongan-golongan terpilih ini.

Justeru, mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* ini merupakan pilihan yang tepat sebagai pengukur kepada mana-mana kumpulan, pengikut sesuatu aliran yang mengaku bahawa mereka ingin kembali kepada al-Quran dan sunnah. Keputusan yang akan diperolehi hasil daripada perbandingan yang dijalankan nanti, akan mengukur sejauh mana persamaan dan perbezaan di antara kumpulan-kumpulan ini dengan pegangan sahih *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*.